

# MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

**2 JAM**

**1103/1**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

## ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.

NO. KAD PENGENALAN

								-											
--	--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

*Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan kepupusan hidupan liar.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **kepupusan hidupan liar**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai kepelbagaian biologi dengan kewujudan 1 500 jenis haiwan vertebrata dan 150 000 jenis haiwan invertebrata. Namun demikian, akhir-akhir ini kebanyakan haiwan tersebut diancam kepupusan kerana aktiviti pembakaran hutan dan pemburuan haram.

Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

STATISTIK HIDUPAN LIAR YANG TERKENA JERAT					
BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018					
SPESES	2015	2016	2017	2018	JUMLAH
BERUANG	3	-	3	7	13
BABI HUTAN	-	-	3	17	20
TAPIR	-	-	2	6	8
KIJANG	-	1	4	3	8
HARIMAU KUMBANG	2	-	-	1	3
GAJAH	-	2	-	2	4
RUSA	-	-	1	1	2
KAMBING GURUN	-	1	-	7	8
LANDAK RAYA	1	-	-	2	3
BABI BODOH	-	-	-	2	2
<b>HARIMAU MALAYA</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>1</b>
BIAWAK SERUNAI	1	-	-	-	1
PELANDUK	-	-	1	-	1
NAPUH	-	-	-	2	2
KUANG RAYA	-	-	-	1	1
HARIMAU DAHAN	-	-	-	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>8</b>	<b>4</b>	<b>14</b>	<b>52</b>	<b>78</b>

Sumber: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan)



**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

**1**

Pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan murid sudah menjadi sebahagian daripada peranan utama sekolah, iaitu menerusi aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Peranan ini dilihat sangat penting memandangkan nilai patriotisme masih kurang dipupuk dalam diri anak-anak sejak kecil lagi.

Sumber: *KitaReporters.com*, 21 Ogos 2020

Huraikan peranan pihak sekolah dan pihak-pihak lain untuk memupuk semangat ini.

**2**

Agropelancongan ialah satu konsep pelancongan yang berkembang pesat kerana Malaysia menawarkan pelbagai aktiviti berkaitan dengan sektor pertanian dan perladangan kepada para pelancong. Namun, konsep pelancongan ini belum begitu popular dalam kalangan rakyat Malaysia. Usaha kerajaan menggalakkan industri agropelancongan ternyata memberikan impak besar, iaitu meningkatkan taraf hidup masyarakat, memajukan ekonomi negara dan mengekalkan kehijauan alam.

Sumber: *Bernama Online*, 18 Disember 2017

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kesan industri agropelancongan.

- 3
- Pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi yang kuat dalam kehidupan pada zaman milenium ini menyebabkan strategi para penjenayah siber juga semakin canggih. Kini, jenayah digital yang menggunakan telefon pintar sebagai saluran untuk melakukan penipuan seperti panggilan dan mesej palsu semakin berleluasa. Kurangnya kesedaran tentang keselamatan siber juga menyebabkan masalah ini sukar dibendung.
- Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

Sebagai respons kepada petikan di atas, jelaskan usaha-usaha menangani masalah tersebut.

- 4
- Sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang menyumbang kepada ekonomi negara. Namun begitu, sesetengah belia beranggapan bahawa kerjaya dalam sektor pertanian membosankan dan merupakan pilihan yang terakhir. Bagi menarik minat golongan belia terhadap pertanian, pelbagai usaha dilakukan termasuk kempen dan kursus berkaitan dengan sektor pertanian.
- Sumber: *Berita Harian*, April 2018

Jelaskan langkah-langkah untuk menggalakkan golongan belia menjadikan bidang ini sebagai kerjaya pilihan mereka.

### **KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**